

**PEMIKIRAN DAN PERJUANGAN EBIT IRAWAN
BIN IBRAHIM LEW DALAM DAKWAH
SAUDARA BARU DAN GOLONGAN ASNAF DI
MALAYSIA**

KARTINA SARI BINTI ABD KARIM

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

2024

**PEMIKIRAN DAN PERJUANGAN EBIT IRAWAN
BIN IBRAHIM LEW DALAM DAKWAH
SAUDARA BARU DAN GOLONGAN ASNAF DI
MALAYSIA**

oleh

KARTINA SARI BINTI ABD KARIM

**Tesis yang diserahkan untuk
memenuhi keperluan bagi
Ijazah Sarjana Sastera**

September 2024

PENGHARGAAN

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Segala puji dan syukur dipanjatkan ke hadrat Allah SWT atas segala limpahan nikmat, kurnia dan kesempatan yang diberikan kepada insan kerdil ini. Selawat dan salam penghormatan buat junjungan rasul yang mulia, Nabi Muhammad SAW, keluarga serta para sahabat baginda semuanya. Sesungguhnya, hanya taufiq dan rahmat-Nya jualah maka tesis ini berjaya disiapkan seperti yang diharapkan.

Setinggi-tinggi penghargaan didedikasikan kepada penyelia saya, Profesor Madya Dr. Muhammad Azizan bin Sabjan atas curahan ilmu, bimbingan serta nasihat yang diberikan sepanjang tempoh pengajian. Terima kasih yang tidak terhingga juga ditujukan kepada Dekan, Timbalan Dekan dan staf-staf Perkhidmatan Pentadbiran, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan dan Institut Pengajian Siswazah yang telah membantu saya menyiapkan kajian dengan segala sumber dan kemudahan yang tersedia.

Setulus titipan doa dan ucapan kesyukuran yang teristimewa buat ibunda yang amat dikasihi, Koh Siew Eng @ Sarena binti Abdullah serta ayahanda yang sentiasa diidolakan, Abd Karim bin Mohd Sayed yang telah berkorban dan membesarkan saya dengan seluruh disiplin ilmu dan kasih sayang. Sekalung kasih buat suami tercinta, Bismi Rahman bin Ismail yang sudi berkongsi hidup, bersabar dan bersusah payah bersama. Titipan rindu buat anak-anak saya, Amirah Basyirah, Khalisah Afrina, Damiak Maisarah dan Ahmed Zikri Karem atas banyak masa dan perhatian yang terpaksa dikorbankan demi sebuah kejayaan.

Akhir kata, semoga Allah SWT membalas segala kebaikan insan-insan hebat yang dihadirkan dalam hidup saya dengan sebesar-besar rahmat dan keredhaan-Nya. Semoga perjalanan sarjana saya ini akan menatijahkan ketaqwaan buat diri saya, keluarga dan orang-orang di sekeliling.

SENARAI KANDUNGAN

PENGHARGAAN	ii
SENARAI KANDUNGAN	iii
PANDUAN TRANSLITERASI	vi
SENARAI SINGKATAN	vii
ABSTRAK	ix
ABSTRACT	x
BAB 1 PENDAHULUAN	1
1.1 Latar Belakang Masalah Kajian	1
1.2 Pernyataan Masalah Kajian	8
1.3 Persoalan Kajian	14
1.4 Objektif Kajian	15
1.5 Tinjauan Kajian Lepas	15
1.5.1 Isu Dakwah	15
1.5.2 Dakwah Saudara Baru	17
1.5.3 Kadar Had Kifayah	18
1.5.4 Pengurusan Dana Sedekah dan Wakaf	19
1.6 Skop Kajian	21
1.7 Kepentingan Kajian	21
1.8 Kaedah Kajian dan Teknik Penulisan	22
1.8.1 Pendekatan Kajian	22
1.8.2 Pengumpulan Data	23
1.8.2(a) Data dari Perpustakaan	23
1.8.3 Teknik Pengolahan dan Analisis Data	25

1.9	Kesimpulan	27
BAB 2 LATAR BELAKANG KEHIDUPAN EBIT LEW		28
2.1	Pengenalan	28
2.2	Latar Belakang	28
2.2.1	Pendidikan	29
2.2.2	Cabaran Hidup	30
2.2.3	Kerjaya	31
2.3	Aktivis Dakwah Saudara Baru dan Golongan Asnaf	33
2.3.1	Istiqamah dalam Perjuangan	34
2.3.2	Cabaran Berdakwah	36
2.3.3	Karya Penulisan	38
2.4	Anugerah	39
2.5	Kesimpulan	41
BAB 3 PEMIKIRAN DAKWAH EBIT LEW TERHADAP SAUDARA BARU		42
3.1	Pengenalan	42
3.2	Konsep Dakwah	43
3.2.1	Pengertian Dakwah	43
3.2.2	Sumber Dakwah	46
3.2.3	Hukum Berdakwah	50
3.3	Konsep Saudara Baru di Malaysia	53
3.3.1	Saudara Baru dalam Perspektif Islam	55
3.3.2	Peranan Saudara Baru dalam Dakwah	59
3.3.3	Cabaran Saudara Baru di Malaysia	62
3.4	Konsep Dakwah Ebit Lew Terhadap Saudara Baru	66
3.4.1	Metodologi Dakwah Ebit Lew	67

3.4.2	Bahan Dakwah Ebit Lew	71
3.4.3	Ebit Lew Sebagai Ikon Pendakwah Berkesan	74
3.5	Kesimpulan	78
BAB 4 PERJUANGAN DAKWAH EBIT LEW TERHADAP GOLONGAN ASNAF		80
4.1	Pengenalan	80
4.2	Pendekatan Perjuangan Dakwah Ebit Lew Terhadap Golongan Asnaf	81
4.2.1	Pendekatan Kebudayaan	81
4.2.2	Pendekatan Pendidikan	84
4.2.3	Pendekatan Psikologi	88
4.3	Gerakan Perjuangan Dakwah Ebit Lew Terhadap Golongan Asnaf	92
4.3.1	Faktor Perjuangan Dakwah Ebit Lew Terhadap Golongan Asnaf	92
4.3.2	Kesan Perjuangan Dakwah Ebit Lew Terhadap Golongan Asnaf	97
4.3.3	Cabaran Perjuangan Dakwah Ebit Lew Terhadap Golongan Asnaf	102
4.4	Impak Perjuangan Dakwah Ebit Lew Terhadap Golongan Asnaf	106
4.5	Kesimpulan	109
BAB 5 SARANAN DAN KESIMPULAN		110
5.1	Pengenalan	110
5.2	Kesimpulan	110
5.3	Dapatan Kajian	113
5.4	Cadangan	116
5.5	Penutup	122
BIBLIOGRAFI		123

PANDUAN TRANSLITERASI

1. Konsonan

Abjad	Sebutan Arab	Transliterasi Rumi
ا	alif	a
ب	bā	b
ت	tā	t
ث	thā	th
ج	jīm	j
ح	hā	h
خ	khā	kh
د	dāl	d
ذ	dhāl	dh
ر	rā	r
ز	zāy	z
س	sīn	s
ش	shīn	sh
ص	sad	s
ض	dād	d
ط	tā	t
ظ	zā	z
ع	‘ayn	‘
غ	ghyn	gh
ف	fā	f
ق	qāf	q
ك	kāf	k
ل	lām	l
م	mīm	m
ن	nūn	n
و	wāw	w
ه	hā	h
ء	hamzah	‘
ي	yā	y
ة	tā marbutah	h t

2. Vokal

Pendek	Panjang	Diftong
اَ : a	اَ : ā	اي : ay
اِ : i	اِ : ī	
اُ : u	اُ : ū	او : aw

Sumber : Pedoman Transliterasi Huruf Arab Ke Huruf Rumi, Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 1-2.

SENARAI SINGKATAN

ABIM	Angkatan Belia Islam Malaysia
AME	Anugerah Meletop Era
BAP	Bantuan Awal Persekolahan
BH	Berita Harian
CNY	<i>Chinese New Year</i>
COVID-19	<i>coronavirus disease 2019</i>
DUN	Dewan Undangan Negeri
ETC	<i>Excel Training and Consultancy</i>
FAQ	<i>Frequently Asked Questions</i>
HCF	<i>Hidayah Centre Foundation</i>
IKIM	Institut Kefahaman Islam Malaysia
IKS	Industri Kecil dan Sederhana
IPSI	<i>Islamic Propagation Society International</i>
IPTA	Institut Pengajian Tinggi Awam
JAIN	Jabatan Agama Islam Negeri
JAWHAR	Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji
JKM	Jabatan Kebajikan Masyarakat
KBS	Kementerian Belia dan Sukan
KLCC	<i>Kuala Lumpur City Centre</i>
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
KPT	Kementerian Pendidikan Tinggi
LGBT	<i>lesbian, gay, bisexual and transgender</i>
LZN	Lembaga Zakat Negeri
MACMA	<i>Malaysian Chinese Muslim Association</i>

MAIN	Majlis Agama Islam Negeri
MARA	Majlis Amanah Rakyat
MKN	Majlis Keselamatan Negara
MPAZ	Manual Pengurusan Agihan Zakat
MRM	<i>Multiracial Reverted Muslims</i>
MRSM	Maktab Rendah Sains MARA
NGO	<i>Non-Government Organisation</i>
OKU	Orang Kelainan Upaya
PEMENANG	Persatuan Melayu Pulau Pinang
PERKIM	Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia
PICC	<i>Putrajaya International Convention Centre</i>
PKP	Perintah Kawalan Pergerakan
PKUM	Pertubuhan Kasih Umat Malaysia
PPS	Pusat Pemindahan Sementara
R&R	Rehat dan Rawat
r.a	radhiallahu ‘anhu / radhiallahu ‘anhum
r.h.a	radhiallahu ‘anha
RMT	Rancangan Makanan Tambahan
SAW	sallallahu ‘alaihi wa sallam
SOP	<i>Standard Operational Procedure</i>
SWT	Subhanahu wa Ta’ala
TESL	<i>Teaching English as a Second Language</i>
UPSI	Universiti Perguruan Sultan Idris
YADIM	Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia

**PEMIKIRAN DAN PERJUANGAN EBIT IRAWAN BIN IBRAHIM LEW
DALAM DAKWAH SAUDARA BARU DAN GOLONGAN ASNAF DI
MALAYSIA**

ABSTRAK

Istilah saudara baru dan golongan asnaf tidak asing lagi di Malaysia. Mereka merujuk kepada kelompok minoriti yang wajar diberikan keutamaan dalam agenda dakwah tanah air. Langkah memperkukuhkan bantuan dan bimbingan kepada mereka adalah penting sama ada dari sudut keagamaan mahupun dari aspek kelangsungan hidup. Saudara seagama harus tampil ke hadapan dan memberi sokongan penuh kepada mereka dengan apa jua cara yang boleh. Usaha dakwah yang terhad ditambah pula dengan isu kemiskinan menjadi antara persoalan yang sering dibangkitkan dalam kalangan para sarjana. Justeru, kajian ini dijalankan untuk mengkaji pemikiran dakwah Ebit Lew kepada saudara baru dan menganalisis perjuangan beliau dalam membantu golongan asnaf di negara kita. Pengumpulan data secara kualitatif telah disempurnakan dengan menjalankan kajian literatur dan dokumentasi maklumat daripada perpustakaan. Dapatan kajian menunjukkan ketokohan dakwah Ebit Lew didasari oleh latar belakang dan sejarah hidup. Pemikiran beliau banyak menjurus kepada pembangunan dakwah saudara baru sementara perjuangan beliau dalam membantu golongan asnaf dilihat sentiasa konsisten di sebalik pelbagai cabaran yang dihadapi. Kajian mengenai dakwah Ebit Lew akan dapat dimanfaatkan oleh para sarjana dan pengkaji dakwah pada masa hadapan bagi memastikan kewajipan berdakwah kepada saudara baru dan usaha membantu golongan asnaf di negara kita akan sentiasa berada dalam fasa kemajuan.

**THE THOUGHTS AND STRUGGLES OF EBIT IRAWAN BIN IBRAHIM
LEW IN THE DAKWAH OF REVERTS AND ASNAF GROUPS IN
MALAYSIA**

ABSTRACT

The terms "revert" and "asnaf" are not new in Malaysia. They refer to minority groups that should be given priority in the country's da'wah agenda. From a religious and survival standpoint, strengthening assistance and guidance to these groups is essential. Fellow believers should offer them full support in any way possible. The limited effort of da'wah, along with the issue of poverty, is a topic often discussed among scholars. Therefore, this study examined Ebit Lew's da'wah efforts toward reverts and analyzed his work in helping the Asnaf group in Malaysia. Qualitative data collection was completed through a literature review and documentation from the library. The study's findings illustrate the significance of Ebit Lew's preaching based on his background and life history. Many of his ideas are focused on developing da'wah for reverts, while his efforts to help the Asnaf group are consistently maintained despite facing various challenges. The study of Ebit Lew's da'wah, a testament to the ongoing commitment and dedication, can be used by scholars and da'wah researchers in the future to ensure that da'wah for reverts and efforts to help the Asnaf in our country continue to progress.

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Latar Belakang Masalah Kajian

Istilah saudara baru begitu sinonim dalam kalangan masyarakat di Malaysia. Menurut Anuar Puteh, saudara baru ditakrifkan sebagai mereka yang telah mengucapkan lafaz syahadah dan harus dibimbing dan diberikan perhatian oleh saudara Muslim yang bertauliah.¹ Dalam erti kata lain, saudara baru ialah orang yang baru memeluk Islam. Saudara baru juga dikenali sebagai mualaf seperti yang termaktub dalam ayat berikut,

إِنَّمَا الصَّدَقَتُ لِلْفُقَرَاءِ وَالْمَسْكِينِ وَالْعَمِلِينَ عَلَيْهَا وَالْمَوْلَّاتِ قُلُوبُهُمْ وَفِي الرِّقَابِ وَالْغَرَمِينَ وَفِي سَبِيلِ
اللَّهِ وَابْنِ السَّبِيلِ قَرِيضَةً مِّنَ اللَّهِ وَاللَّهُ عَلِيمٌ حَكِيمٌ ﴿٦٠﴾

Terjemahan: “Sesungguhnya sedekah (zakat) itu hanyalah untuk orang fakir, orang miskin, petugas-petugas amil zakat yang menguruskannya, para mualaf yang dijinakkan hati mereka, untuk hamba sahaya yang hendak memerdekakan dirinya, orang yang berhutang, untuk (dibelanjakan pada) jalan Allah dan *ibnu al-sabil* (musafir yang terputus perbelanjaan) dalam perjalanan. (Ketetapan hukum yang demikian itu) adalah sebagai sesuatu ketetapan (yang datangnya) daripada Allah. Dan (ingatlah) Allah Maha Mengetahui lagi Maha Bijaksana.” (At-Taubah 9: 60)

Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Pulau Pinang Tahun 2004 menafsirkan muallaf sebagai seseorang yang baru memeluk agama Islam iaitu melafazkan dua kalimah syahadah dalam Bahasa Arab dengan jelas dan tanpa sebarang unsur paksaan serta akur dengan maksud “Aku bersaksi bahawa tiada Tuhan yang disembah selain Allah dan aku bersaksi bahawa Nabi Muhammad ialah pesuruh Allah. Orang kelainan upaya (OKU) dibenarkan mewakili makna syahadah tersebut melalui penggunaan

¹ Anuar Puteh, *Masa Depan Saudara Baru. Harapan, Realiti & Cabaran* (Bangi: Penerbit Pusat Islam Universiti Kebangsaan Malaysia, 2005), 30.

bahasa isyarat.² Justeru, mualaf ialah orang yang mengucapkan kalimah syahadah kerana hatinya telah terbuka untuk menerima Islam.

Saudara baru boleh diertikan sebagai mualaf dan begitu juga sebaliknya. Namun, terdapat pelbagai persepsi masyarakat terhadap penggunaan kedua-dua istilah ini. Panggilan saudara baru kurang disenangi dengan hujah bahawa ianya hanya akan menempatkan mereka dalam kelas kedua kelompok masyarakat Muslim.³ Pun begitu, sebahagian besar daripada mereka yang telah memeluk agama Islam berasa tidak selesa dengan jolokan mualaf, walaupun bermaksud suci dan murni.⁴ Walau apapun gelaran yang dipakai, perkara yang lebih penting adalah kesediaan kita untuk menerima mereka agar mereka tidak berasa tersisih apabila telah menjadi sebahagian daripada keluarga Muslim. Hal ini bertepatan dengan firman Allah SWT,

إِنَّمَا الْمُؤْمِنُونَ إِخْوَةٌ فَأَصْلِحُوا بَيْنَ أَخَوَيْكُمْ وَاتَّقُوا اللَّهَ لَعَلَّكُمْ تُرْحَمُونَ ﴿١٠﴾

Terjemahan: “Sesungguhnya orang yang beriman itu bersaudara, maka damaikanlah antara kedua-dua saudara kamu (yang bertelingkah) dan bertakwalah kepada Allah agar kamu mendapat rahmat”. (Al-Hujurat 49: 10)

Di Malaysia, badan kerajaan dan bukan kerajaan yang mendokong usaha dakwah kepada saudara baru semakin berkembang pesat antaranya

² Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Pulau Pinang) 2004, “Bahagian IX - Memeluk Agama Islam. Seksyen 107. Kehendak-kehendak Bagi Pemeluk Agama Islam,” 20 Oktober 2004, http://www2.esyariah.gov.my/esyariah/mal/portalv1/enakmen2011/State_Enact_Ori.nsf/8e791863d5e2682548256faa00184cce/3c5a227491136e60482571330008adf7?OpenDocument.

³ Anuar Puteh, *Saudara Baru Cina di Malaysia: Kepentingannya dalam Konteks Dakwah. Dakwah Kepada Masyarakat Muslim di Malaysia* (Bangi: Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2002).

⁴ M.Y. Jaafar, *Pengalaman PERKIM Tentang Saudara Baru: Masalah dan Penyelesaian. Islam: Cabaran dan Isu Semasa* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1991).

ABIM⁵, IPSI⁶, HCF⁷, MACMA⁸ dan MRM⁹. PERKIM¹⁰ pula dilihat sebagai sebuah institusi Islam yang tertua di Malaysia. PERKIM atau Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia telah diasaskan oleh Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj ibni Almarhum Sultan Abdul Hamid Halim Shah dan didaftarkan pada 19 Ogos 1960. Tujuan penubuhan PERKIM adalah untuk mendokong pembangunan institusi Islam di Malaysia dan di peringkat antarabangsa. PERKIM ternyata memberi manfaat dan sumbangan yang besar kepada semua lapisan masyarakat terutamanya golongan saudara baru. Antara fungsi PERKIM adalah berdakwah kepada Muslim dan bukan

⁵ ABIM atau Angkatan Belia Islam Malaysia telah diasaskan pada 6 Ogos 1971 oleh Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia. ABIM merupakan gerakan yang mendidik masyarakat dengan peradaban ilmu melalui karya-karya penerbitan, forum dan ceramah serta melahirkan ramai petugas dakwah yang berpotensi dan mempunyai daya juang yang tinggi. Lihat, ABIM, "Info ABIM," diakses 15 Februari 2021, <https://www.abim.org.my/info-abim/>.

⁶ IPSI merupakan *Islamic Propagation Society International* atau Pertubuhan Penyebaran Islam Antarabangsa. IPSI dipimpin oleh Tuan Haji Kamarudin Bin Abdullah sejak tahun 1989. IPSI lebih tertumpu kepada bidang perbandingan agama, menyebarkan mesej Islam kepada dunia melalui pembacaan al-Quran dengan kefahaman menggunakan pelbagai terjemahan, bimbingan lawatan ke masjid untuk bukan Islam di samping syarahan umum yang disampaikan oleh cendekiawan Islam terkemuka serta mencetak naskah-naskah yang dikarang oleh tokoh-tokoh ilmuwan Islam yang hebat seperti Sheikh Ahmed Deedat, Dr. Gary Miller, Dr. Zakir Naik, Sister Yvonne Ridley dan lain-lain. Lihat, IPSI, "Visi dan Misi," diakses 15 Februari 2021, <https://www.ipsi.com.my>.

⁷ HCF iaitu *Hidayah Centre Foundation* dikenali sebagai pusat dakwah dan sokongan kepada golongan muallaf. HCF yang telah didaftarkan secara rasmi pada 29 Februari 2012 di bawah Biro Hal Ehwal Undang-undang di Jabatan Perdana Menteri bermatlamat untuk berkongsi mesej Islam kepada seluruh lapisan masyarakat, memperbetulkan salah faham terhadap Islam dalam mentaliti masyarakat dan juga memberi sokongan kepada saudara baru seperti bimbingan agama dan memperkasa ekonomi mereka atas dasar tanggungjawab kemanusiaan. Lihat, HCF, "Sejarah, Visi dan Misi," diakses 15 Februari 2021, <https://hidayahcentre.org.my>.

⁸ MACMA ialah singkatan nama bagi *Malaysian Chinese Muslim Association* atau Persatuan Cina Muslim Malaysia telah ditubuhkan secara rasminya pada 8 September 1994 bagi memenuhi hasrat masyarakat Cina Muslim untuk memperkasa usaha dakwah dengan lebih bersepadu dan terbimbing kepada bangsa Cina khususnya serta rakyat berbilang kaum di negara ini, secara amnya. Misi penubuhan MACMA adalah untuk memajukan kaum Cina Muslim di Malaysia supaya menjadi satu umat yang terbaik, bertaqwa dan membudayakan ilmu. Lihat, MACMA Cawangan Sarawak, "Muqadimah," diakses 18 Jun 2023, <http://macmaswk.blogspot.com/p/about-us.html>.

⁹ MRM bermaksud *Multiracial Reverted Muslims* telah diasaskan oleh saudara Firdaus Wong Wai Hung sejak 5 Februari 2014. MRM bertujuan untuk meningkatkan kesedaran dalam kalangan komuniti Muslim terhadap tanggungjawab mereka untuk berdakwah secara berhikmah seperti yang diperintahkan oleh Allah SWT. Lihat, AskIslam, "Tentang MRM," diakses 15 Februari 2021, <https://askislam.me/>.

¹⁰ Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia, "Organisasi: Objektif," diakses 15 Februari 2021, <https://www.perkim.net.my/objektif/>.

Muslim termasuk masyarakat Orang Asli, menguruskan prosedur pengislaman saudara baru, menganjurkan kelas bimbingan asas fardhu ‘ain dan sebagainya.

Ayat at-Taubah di atas juga merujuk kepada golongan asnaf iaitu mereka yang layak menerima zakat. Asnaf yang dimaksudkan di sini adalah golongan fakir¹¹, orang-orang miskin¹², amil-amil¹³, *riqab*¹⁴, *gharimin*¹⁵, golongan *fisabilillah*¹⁶, orang-orang yang bermusafir¹⁷ yang terputus bekalannya serta golongan saudara baru. Pengkaji dapat melihat di sini perkaitan antara saudara baru dengan golongan asnaf di mana saudara baru juga mempunyai bahagian tertentu dalam zakat. Pengagihan zakat terhadap golongan asnaf dilaksanakan berdasarkan hukum syarak dalam meningkatkan taraf kehidupan mereka dan menjadi asbab pembangunan sosio-ekonomi ummah dan negara.¹⁸ Dengan itu, institusi zakat ternyata mempunyai

¹¹ Orang Islam yang tidak mempunyai pekerjaan atau memiliki sumber pendapatan namun jumlahnya tidak mencapai 50 peratus daripada keperluan harian untuk diri sendiri dan tanggungan. Lihat, Bahagian Agihan Zakat, Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang, “Asnaf Fakir,” diakses 20 September 2023, https://reports.muip.gov.my/zakatportal/?page_id=3113.

¹² Orang Islam yang mempunyai sumber pencarian yang sekadar boleh menampung 50 peratus untuk keperluan asasnya namun masih belum cukup untuk menanggung perbelanjaan harian diri dan tanggungan. Lihat, Lembaga Zakat Selangor, Majlis Agama Islam Selangor, “Fakir, Miskin dan Had Al-Kifayah,” diakses 21 September 2023, <https://www.zakatselangor.com.my/terkini/fakir-miskin-dan-had-al-kifayah-2/>.

¹³ Golongan yang menguruskan kutipan dan pengagihan zakat secara langsung dengan institusi zakat. Lihat, Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan, “Hukum Amil Mengambil Duit Lebihan Zakat,” diakses 25 September 2023, <https://www.muftiwp.gov.my/ms/artikel/irsyad-fatwa/edisi-ramadhan/4482-irsyad-fatwa-khas-ramadhan-siri-ke-168-hukum-amil-mengambil-duit-lebihan-zakat>.

¹⁴ Orang-orang Islam yang ingin memerdekakan diri daripada belunggu perhambaan dan penindasan secara fizikal atau mental oleh pihak-pihak tertentu. Juga dikenali sebagai *riqab*. Lihat, Majlis Agama Islam Melaka, “Riqab,” diakses 25 September 2023, <https://www.maim.gov.my/index.php/ms/asnaf-zakat-program/riqab>.

¹⁵ Individu yang berhutang untuk menampung keperluan asas bagi kemaslahatan diri dan keluarga yang menuntut penyelesaian segera yang dibolehkan oleh hukum syarak. Juga dipanggil *gharimin*. Lihat, Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Terengganu, “Siapa Penerima Zakat,” diakses 25 September 2023, <https://www.maidam.gov.my/index.php/siapa-penerima-zakat>.

¹⁶ Individu yang mendaulatkan syiar Islam melalui pelbagai wasilah dakwah. Lihat, Zakat Pulau Pinang, “Penerima Zakat,” diakses 25 September 2023, <https://zakatpenang.com/penerima-zakat/>.

¹⁷ *Ibnu sabil* atau orang yang dalam perjalanan yang kekurangan bekal serta orang yang ingin memulakan perjalanan yang dibenarkan oleh syarak. Lihat, Majlis Agama Islam Negeri Johor, “Takrif Asnaf,” diakses 26 September 2023, https://www.maij.gov.my/?page_id=401.

¹⁸ Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR), *Manual Pengurusan Agihan Zakat (MPAZ)* (Putrajaya: Jabatan Perdana Menteri, 2007).

peranan yang sangat penting dan meluas dalam membantu dan melindungi golongan asnaf berdasarkan had kifayah yang telah ditetapkan.

Zakat yang diberikan kepada golongan asnaf bukanlah suatu bentuk bantuan ihsan semata-mata malah memberi kesan yang ketara kepada si pemberi dan penerima. Selain zakat diistilahkan sebagai sebahagian harta yang diperuntukkan kepada golongan asnaf, ia juga sebagai suatu bentuk penyucian harta di samping menyingkirkan sifat-sifat kedekut dan bakhil. Bagi golongan asnaf pula, zakat adalah suatu cara membersihkan diri mereka daripada berprasangka buruk atau berhasad dengki terhadap orang kaya.¹⁹ Tuntutan zakat merupakan rukun Islam yang ketiga seperti yang ditetapkan oleh Allah SWT melalui firman-Nya,

وَأَقِيمُوا الصَّلَاةَ وَآتُوا الزَّكَاةَ وَارْكَعُوا مَعَ الرَّاكِعِينَ ﴿١٥٦﴾

Terjemahan: “Dan dirikanlah solat dan keluarkanlah zakat serta rukuklah kamu semua (berjemaah) bersama-sama dengan orang yang rukuk.” (Al-Baqarah 2: 43)

Setiap Muslim yang berkelayakan adalah diwajibkan untuk mengeluarkan zakat iaitu sebanyak 2.5% daripada hasil keuntungan perniagaan atau pendapatan setelah ditolak perbelanjaan. Selain daripada sumber agihan zakat, golongan asnaf turut dibantu melalui pemberian sedekah, hadiah dan wakaf sebagai suatu bentuk pengagihan semula dalam sistem ekonomi Islam.

Kedua-dua golongan saudara baru dan asnaf merupakan tumpuan penting dalam konteks dakwah semasa. Menurut Sheikh Ahmad Mahmoud, dakwah Islam perlu diberikan keutamaan kerana kepentingannya dalam kehidupan Muslim di samping menyampaikan mesej Islam kepada penganut agama lain secara khusus.²⁰

¹⁹ Fuadah Johari, “Keberkesanan Zakat dalam Mengatasi Masalah Kemiskinan di Negeri Melaka” (Tesis Sarjana, Universiti Malaya, 2004), 13.

²⁰ Sheikh Ahmad Mahmoud, *The Da'wah to Islam* (Lubnan: Al-Waie Publications, 1995), 24.

Seruan dan ajakan ini juga wajar digiatkan terhadap golongan fakir dan miskin yang jelasnya menerima agihan zakat yang lebih berbanding golongan asnaf yang lain. Kegiatan dakwah harus sentiasa digerakkan secara berjemaah melalui pengurusan organisasi yang sistematik bagi memastikan kesinambungan dakwah yang lebih berkesan. Terdapat ramai tokoh pendakwah Islam di tanah air yang asalnya merupakan golongan saudara baru namun kini aktif bergerak di bawah suatu penstrukturan badan dakwah yang diwakili. Mereka beriltizam untuk menggiatkan usaha dakwah terhadap golongan saudara baru dan golongan asnaf di negara kita misalnya saudara Kamarudin Bin Abdullah²¹, Nicholas Sylvester²², Taufiq Yap Yun Hin²³, Firdaus Wong Wai Hung²⁴ dan Ebit Irawan bin Ibrahim Lew @ Lew Yun Pau.

-
- ²¹ Kamarudin bin Abdullah ialah pengasas IPSI. Beliau dilahirkan dalam keluarga Kristian bermazhab Katholik dan memeluk Islam seawal usia 18 tahun. Beliau berpengalaman luas berdakwah kepada bukan Muslim dan pakar dalam ilmu perbandingan agama. Lihat, Persatuan Melayu Pulau Pinang (PEMENANG), "Tokoh Pemenang 2016," diakses 17 Februari 2021, <https://www.pemenang.org.my/tuan-haji-kamarudinbin-abdullah-tokoh-agama-dakwah/>.
- ²² Nicholas Sylvester@Muhammad Abdullah ialah Pengerusi HCF. Beliau dilahirkan dalam keluarga yang kuat berpegang kepada ajaran Kristian dan pernah dibaptiskan ketika berusia 12 tahun. Beliau melafazkan syahadah pada tahun 1985 ketika masih menyambung pelajaran di Amerika Syarikat. Beliau kini giat menjalankan dakwah kepada masyarakat bukan Muslim dengan menyusun beberapa strategi secara terancang agar mesej Islam dapat disampaikan kepada mereka dengan berkesan. Beliau juga membantu saudara baru yang memerlukan bantuan melalui program Inisiatif Ansar yang mengajak orang ramai menyumbang serendah RM1 sehari. Lihat, Mohd Aizat Shamsuddin, "Nicholas Sylvester Terus Santuni Ibu Bapa Lain Agama," *Berita Harian Online*, 6 Januari 2019, <https://www.bharian.com.my/rencana/agama/2019/01/516740/nicholas-sylvester-terus-santuni-ibu-bapa-lain-agama>.
- ²³ Taufiq Yap Yun Hin merupakan Naib Canselor Universiti Malaysia Sabah yang keenam. Beliau juga ialah Presiden MACMA yang aktif berdakwah khasnya kepada masyarakat Cina di Malaysia. Beliau turut mengambil inisiatif bagi menjayakan pembinaan pusat aktiviti MACMA di seluruh Malaysia sebagai platform masyarakat Cina Muslim untuk mempelajari Islam dan terbuka kepada semua kaum untuk memanfaatkan segala kemudahan yang ada di pusat itu bagi mengukuhkan permuafakatan dan persaudaraan sesama Muslim. Lihat, Badrul Kamal Zakaria, "Pusat Aktiviti MACMA Untuk Semua," *Berita Harian Online*, 2 Oktober 2016, <https://www.bharian.com.my/taxonomy/term/2646/2016/10/198266/pusat-aktiviti-macma-untuk-semua>.
- ²⁴ Firdaus Wong Wai Hung ialah pengasas dan presiden MRM. Anak kelahiran Jinjang ini memeluk Islam pada tahun 2005 dan pernah berguru dengan Sheikh Hussin Yee. Beliau kerap melakukan dakwah jalanan (*street dakwah*) sambil mengedarkan risalah Islam dan tafsir al-Quran kepada orang ramai sehingga berjaya mengislamkan beberapa orang di lokasi. Lihat, Hasliza Hassan, "Firdaus Wong Tumpu Dakwah Jalanan," *Berita Harian Online*, 1 Oktober 2016, <https://www.bharian.com.my/bhplus-old/2016/10/197778/firdaus-wong-tumpu-dakwah-jalanan>. Lihat juga, Nurulwahida Othman, "Kisah Seorang Mualaf Yang Melepaskan Gaji Lima Angka Demi Kerja Dakwah," *Vocket*, 25 Mei 2015, <https://www.thevocket.com/mualaf-kerja-dakwah/>.

Ebit Irawan bin Ibrahim Lew²⁵ merupakan seorang tokoh pendakwah bebas, perunding motivasi, personaliti media, penulis, usahawan, dermawan dan aktivis masyarakat yang terkenal di Malaysia. Beliau telah bergiat aktif dalam lapangan dakwah sejak berumur 12 tahun. Kehadiran beliau dalam misi dakwah dan bantuan kemanusiaan telah mencetuskan gerakan transformasi dalam dunia dakwah Islam. Pemikiran dakwah Ebit Lew banyak menyumbang kepada pelbagai lapisan masyarakat tanpa mengira bangsa dan agama. Penglibatan beliau dalam dakwah saudara baru dan golongan asnaf telah menonjolkan ketokohan beliau sebagai seorang pendakwah yang amat disegani. Perjuangan Ebit Lew kini menjadi tumpuan masyarakat dan pemimpin negara malah menyingkap suatu pentafsiran yang baru tentang dakwah.

Selain dikenali sebagai seorang tokoh pendakwah Islam yang sangat berpengaruh di Malaysia, Ebit Lew juga merupakan seorang pencetus aspirasi ummah kerana pemikirannya ke arah mengubah kebiasaan masyarakat daripada tradisi masyarakat yang pasif kepada suatu gagasan masyarakat Islam yang progresif. Sumbangan beliau dalam bidang ilmu pengetahuan telah diterjemahkan dalam makalah-makalah beliau yang membicarakan mengenai permasalahan umat semasa serta penyelesaiannya melalui pendekatan yang paling asas iaitu dengan berbalik kepada al-Quran dan Hadith.²⁶ Hakikatnya, ramai umat Islam kini telah meninggalkan kerja-kerja dakwah terutamanya kepada penganut bukan Islam walaupun sedar akan kefardhuannya. Beliau bercita-cita untuk membangunkan kesedaran berdakwah dalam realiti kehidupan masyarakat Muslim di negara kita demi kelangsungan dakwah terhadap golongan saudara baru.

²⁵ Perenggan seterusnya akan dipanggil Ebit Lew.

²⁶ Ebit Lew, *Perjalanan Hidayah Umat* (Bandar Baru Bangi: Transform Publication, 2013), 10.

Kebanyakan masa Ebit Lew diperuntukkan untuk kerja-kerja dakwah dan menyampaikan bantuan kepada golongan asnaf yang terkesan dengan desakan ekonomi semasa. Beliau bukan sekadar memiliki keterampilan sebagai pendakwah malah sebagai seorang pemimpin dan pembela umat. Perjuangan dakwah beliau turut disalurkan melalui Pertubuhan Kasih Umat Malaysia²⁷ yang diterajui sejak tahun 2019. Prinsip-prinsip Islam yang diamalkan secara istiqamah dan teratur dalam pengurusan organisasi dakwah ternyata memberikan impak dalam usaha mengajak *amar makruf nahi mungkar* kepada masyarakat.²⁸ Melalui pertubuhan ini, pelbagai golongan masyarakat yang amat memerlukan didekati dan dibantu tanpa mengira bangsa dan agama di samping menyebarkan mesej-mesej Islam kepada umum seperti “Allah sayang”, “Saudaraku, di sebalik ujian ada rahmat” dan “Semoga menjadi asbab kebaikan”.

1.2 Pernyataan Masalah Kajian

Secara umumnya, umat Islam di Malaysia lebih cenderung untuk menyebarkan dakwah dalam kalangan masyarakat Islam sahaja serta mengabaikan tuntutan dakwah kepada penganut agama yang lain.²⁹ Kita seolah-olah menerima ketentuan bahawa mereka akan hidup selamanya dalam kejahilan tanpa mengetahui hakikat agama Islam yang sebenarnya. Malah, salah faham mereka terhadap Islam sengaja dibiarkan sedangkan usaha yang diambil untuk memperbetulkannya masih kurang sama ada

²⁷ Pertubuhan Kasih Umat Malaysia (PKUM) ialah suatu pertubuhan bukan kerajaan yang diterajui oleh Ebit Lew yang menyalurkan bantuan kemasyarakatan kepada seluruh rakyat Malaysia yang memerlukan seperti bantuan barangan keperluan harian, bantuan persekolahan, sumbangan anak-anak yatim, Orang Kelainan Upaya (OKU) dan sebagainya.

²⁸ Masitah Binti Esa et al., “Implementasi Konsep Pengurusan Dakwah Satu Tinjauan Awal di Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM),” *Jurnal Sains Insani* Vol. 2, no. 2 (2017): 10-19.

²⁹ Khairul Azhar Meerangani, Muhammad Asyraf Ahmad Termimi dan Rushdi Ramli, “Dakwah Terhadap Bukan Muslim di Malaysia: Realiti dan Cabaran” (E-Prosiding Seminar Antarabangsa Dakwah dan Pembangunan Insan, Universiti Malaya, 2013).

pada peringkat individu mahupun secara kolektif. Nikmat Islam sebenarnya perlu dikongsikan bersama sekalian manusia bukan sekadar disimpan dalam kelompok kita sahaja. Seruan kepada agama tauhid ini perlu diperluaskan agar mereka cenderung untuk mencari kebenaran dan merungkai segala keraguan mereka tentang Islam walaupun diri mereka belum bersedia untuk beriman kepada Allah SWT.

Sejak sekian lama juga, aktiviti dakwah hanya tertumpu di surau, masjid dan institusi pendidikan. Pendekatan sebegini hanya akan menyebabkan dakwah Islam tidak sampai kepada sesetengah golongan masyarakat yang beranggapan diri mereka masih belum bersedia untuk menjadi baik atas beberapa faktor seperti gaya hidup, penampilan dan pekerjaan yang tidak menepati syarak.³⁰ Sikap sesetengah pihak yang suka menghukum kesalahan orang lain menjadi penyebab terhentinya penghijrahan seseorang.³¹ Jelasnya, keadaan ini mengakibatkan golongan LGBT (*lesbian, gay, bisexual and transgender*), pelacur, penagih dadah, mat rempit dan bekas banduan akan berasa tersisih, dipulaukan dan sekaligus bertindak untuk menjauhi masjid apatah lagi untuk duduk di dalamnya bagi mengingati Allah SWT. Kesannya, jurang yang terbentuk ini menyebabkan mereka semakin terpinggir dan berterusan melakukan kemaksiatan dan kemungkaran.

Selain itu, tidak dinafikan masalah kemiskinan masih pada tahap yang membimbangkan di negara kita sama ada di kawasan bandar mahupun luar bandar. Masalah kekurangan pendapatan untuk membeli keperluan asas, taraf pendidikan yang rendah, masalah kesihatan, sumber makanan dan pakaian yang terhad, tempat tinggal

³⁰ Ismail Ali, "Belajar Agama dan Berdakwah Bukan Setakat di Masjid Sahaja," *Berita Harian Singapura*, 12 Oktober 2018, <https://www.beritaharian.sg/wacana/belajar-agama-dan-berdakwah-bukan-setakat-di-masjid-sahaja>.

³¹ Nur Mohammad Hadi Zahalan, "Berilah Sokongan... Jangan Diungkit, Keji-mengeji Jika Rakan Mahu Berubah," *Mstar*, 2 Oktober 2020, <https://www.mstar.com.my/xpose/ad-din/2020/10/02/berilah-sokongan-jangan-diungkit-keji-mengeji-jika-rakan-mahu-berubah>.

yang tidak kondusif dan tiada pekerjaan tetap merupakan isu yang perlu dibendung.³² Konsep kemiskinan sangat berkait dengan golongan asnaf yang rata-ratanya tidak mampu memenuhi keperluan asas apatah lagi menikmati kemudahan sosial walaupun pada tahap yang minimum.³³ Krisis sosioekonomi ini jika tidak dikawal dan dibendung akan membantutkan peluang pendidikan anak-anak dan memungkinkan kemiskinan diwarisi secara kekal.

Kekangan dalam mendapatkan peluang pendidikan menjadi punca anak-anak asnaf tercicir dalam pelajaran. Masalah ini tidak dihiraukan walaupun pembelajaran secara formal di sekolah disedari dapat meningkatkan taraf hidup.³⁴ Situasi kemiskinan yang dilalui saban hari tidak berjaya menimbulkan suasana pembelajaran apatah lagi untuk memotivasikan mereka. Malah, mereka terpaksa bekerja pada usia yang muda bagi membantu ibu bapa menambah pendapatan keluarga. Menurut Faridah Abu Hassan et al., keadaan ini akan menjejaskan tumpuan mereka terhadap pelajaran, kekurangan rangsangan yang melambatkan perkembangan kognitif, tingkah laku bermasalah, pembentukan estim sendiri yang rendah, masalah buta huruf, kemerosotan kehadiran ke sekolah dan kekurangan kemasukan ke universiti.³⁵ Perkembangan dan kesihatan fizikal juga terjejas disebabkan oleh kekurangan zat dan nutrisi dalam pemakanan harian.

³² Norzita Jamil dan Siti Halijah Che Mat, "Realiti Kemiskinan: Satu Kajian Teoritikal," *Jurnal Ekonomi Malaysia* 48, no.1 (2014): 167-177.

³³ Nurazynie Herman, "Kemiskinan Multi Dimensi: Pengkategorian Kemiskinan Golongan B40 Di Bandar Bayan Baru, Pulau Pinang" (Tesis Sarjana, Universiti Sains Malaysia, 2019), 12.

³⁴ Siti Masayu Rosliah Abdul Rashid dan Narimah Samat, "Kemiskinan Keluarga dan Pengaruhnya Terhadap Tahap Pendidikan Rendah Masyarakat Luar Bandar: Kajian Kes di Jajahan Bachok, Kelantan," *Jurnal Sains Sosial dan Kemanusiaan* Vol. 13, no.2 (2018): 11.

³⁵ Faridah Abu Hassan, Naimah Ishak, Hamidah Yusof dan Habibah Abdul Rahim, "Kemiskinan dan Pendidikan: Perubahan Minda Orang Melayu ke Arah Kecemerlangan Pendidikan Akademik," *Jurnal Penyelidikan Pendidikan* Jilid 7, no. 3 (2005): 39.

Penulis telah memilih Ebit Lew dalam kajian ini bagi merungkai faktor yang mempengaruhi kewajipan berdakwah ke atas individu Muslim. Kajian ini mendapati bahawa tiada sandaran yang kukuh bagi mengaitkan kefardhuan berdakwah dengan kelayakan akademik seseorang. Dengan itu, penyelidikan lanjut ke atas latar belakang dan sejarah hidup Ebit Lew akan memberi penjelasan mengenai keberadaan beliau dalam bidang dakwah. Walaupun Ebit Lew tidak pernah menerima pendidikan agama secara formal, namun kemenjadian beliau sebagai seorang pendakwah yang sangat berpengaruh di Malaysia tidak dapat disangkal lagi. Kejayaan beliau membuka jalan hidayah kepada orang lain dalam skala yang besar menjadi titik fokus kajian ini bagi mengkaji pemikiran dakwah beliau kepada saudara baru.

Ebit Lew juga terkenal sebagai seorang aktivis kemanusiaan yang paling menonjol dalam perjuangannya memberikan sumbangan kewangan dan tenaga kepada masyarakat yang memerlukan. Beliau komited untuk mengangkat kesukaran hidup golongan asnaf, gelandangan, warga emas, anak yatim, golongan LGBT, pelacur, penagih dadah dan lain-lain yang menghadapi kesulitan hidup tersendiri. Namun, dakwah tidak akan dinamakan perjuangan jika tiada liku, halangan dan cabaran. Justeru, penyelidikan ini akan menjejaki cabaran perjuangan Ebit Lew dalam menghulurkan bantuan kepada golongan asnaf di negara kita. Perjuangan beliau bukanlah sesuatu yang mudah dan bukan semua orang mampu berkorban seperti beliau. Beliau menjalankan gerak kerja dakwah dengan penuh tekanan, kecaman dan ancaman daripada beberapa pihak yang berkepentingan.

Tindakan Ebit Lew memuat naik bantuan yang diberikan secara terbuka untuk tatapan umum kurang disenangi oleh segelintir pihak. Mereka berpendapat bahawa beliau sewajarnya menyampaikan bantuan secara beradab, bersembunyi dan tidak menunjuk-nunjuk. Antaranya ialah Ustaz Abu Syafiq Al-Asy'ari yang berpendapat

bahawa haram menyiarkan gambar dan video orang miskin atau penerima sumbangan kerana tindakan tersebut hanya akan mengaibkan mereka yang terlibat. Kontroversi yang menimpa Ebit Lew menjadi tular sehingga menarik perhatian menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Zulkifli Mohamad Al-Bakri yang terbuka untuk mengadakan pertemuan dengan beliau.³⁶ Sungguhpun begitu, masih ramai yang menyokong kuat gagasan pemikiran beliau bagi menyelesaikan dilema rakyat melalui bantuan ihsan yang disalurkan ketika negara masih berdepan dengan wabak COVID-19³⁷.

Ebit Lew pernah dipanggil oleh pihak berkuasa untuk memberi keterangan di Balai Polis Bukit Aman pada 24 April 2020 berikutan reaksi orang awam mengenai tindakannya memaparkan kerja-kerja kebajikan ketika negara kita masih dalam tempoh PKP³⁸. Insiden ini berlaku susulan laporan polis yang dibuat ke atas beliau oleh beberapa pihak yang ternyata kurang senang dengan pendekatan beliau yang memberi sumbangan kepada para petugas barisan hadapan dan golongan yang memerlukan. Beliau juga tidak dibenarkan untuk meneruskan misi bantuan di pulau-pulau di Semporna, Sabah untuk mengelakkan hukuman sama ada didenda sebanyak RM 100 ribu atau penjara selama 3 tahun.³⁹ Rentetan itu, beliau terpaksa menangguhkan pembinaan sekolah atau pusat kegunaan masyarakat setempat yang

³⁶ Syed Azwan Syed Ali, "Zulkifli Nak Jumpa Ebit Lew," *Alhijrah Online*, 26 April 2020, <https://alhijrahnews.com/>.

³⁷ Novel Coronavirus 2019 (COVID-19) merupakan sejenis penyakit jangkitan saluran pernafasan yang disebabkan oleh virus. Penyakit ini menular melalui titisan-titisan daripada batuk atau bersin pada permukaan yang terdedah. Lihat, Kementerian Kesihatan Malaysia, "Soalan Lazim (FAQ) Rasmi Berkaitan COVID-19 oleh Kementerian Kesihatan Malaysia," dikemaskini 7 Disember 2020, <https://covid-19.moh.gov.my/faqsop/faq-covid-19-kkm>.

³⁸ PKP yang berkuatkuasa mulai 18 Mac 2020 adalah merangkumi larangan perjalanan dan penutupan kebanyakan premis kerajaan dan swasta bagi mengekang penularan virus COVID-19. Lihat, Majlis Keselamatan Negara, *Soalan Lazim (FAQ's)-Bil. 1 (Dikemaskini) Perintah Kawalan Pergerakan* (Putrajaya: Jabatan Perdana Menteri, 2020).

³⁹ Ebit Lew Supporters, "Sayu hati. Saya minta maaf pada penduduk di pulau-pulau di Semporna yang saya islamkan," Telegram, 2 Februari 2021, <https://t.me/teamebitlew/1371>.

telah dirancang buat semua penduduk Bajau Laut iaitu kumpulan manusia tanpa negara yang telah diislamkan.

Terdahulu, Ebit Lew yang menziarahi sepasang suami isteri yang uzur di sebuah rumah yang hampir roboh di Kampung Tapang, Kota Bharu telah memindahkan mereka sekeluarga setelah 20 tahun menumpang di tanah orang. Keadaan kesihatan mereka yang merosot ditambah pula dengan kepayahan bekerja menyukarkan kehidupan mereka. Lawatan beliau mendapat serangan balas daripada Ahli DUN Panchor merangkap Timbalan Menteri Besar Kelantan, Yang Berhormat Ustaz Dato' Haji Mohd Amar Bin Nik Abdullah yang mengatakan bahawa, "Kebaikan yang tidak berakal akan mencetuskan fitnah yang berangkai".⁴⁰ Tindakan Ebit Lew yang terus membantu penduduk di kawasan beliau tanpa merujuk kepada pihaknya terlebih dahulu seolah-olah memberi gambaran bahawa beliau tidak peka menangani isu berkenaan.

Ebit Lew yang menyediakan perkhidmatan bas untuk membawa pulang ratusan pelajar dalam tempoh PKP terpaksa menanggungkan 20 buah bas sehingga diberi kelulusan oleh Naib Canselor Universiti Perguruan Sultan Idris (UPSI). Beliau menerima kenyataan rasmi daripada Majlis Perwakilan Pelajar UPSI yang memberi peringatan kepada beliau agar mematuhi segala peraturan dan Prosedur Operasi Standard (SOP) berikutan polemik COVID-19.⁴¹ Beliau telah dihubungi dan diminta agar mengemukakan permohonan maaf secara terbuka kerana bertindak tanpa memohon kebenaran daripada pihak pengurusan UPSI yang berkait juga dengan pihak Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dan Majlis Keselamatan Negara (MKN).

⁴⁰ Dato' Nik Amar, "Penduduk Kota Mekah lebih tahu liku-liku denainya," Facebook, 14 Mei 2020, <https://www.facebook.com/datonikamar/posts/penduduk-kota-mekah-lebih-tahu-liku-liku-denainya/2721837034612404/>.

⁴¹ Ebit Lew Supporters, "Saya mohon maaf pada pihak pentadbiran UPSI terutama yang dihormati *Vice-Chancellor* UPSI sendiri yang menghubungi pihak saya tadi supaya saya membuat permohonan maaf terbuka," Telegram, 4 Oktober 2020, <https://t.me/teamebitlew/547>.

Dengan mengambil kira faktor-faktor di atas, adalah sangat penting agar kajian ilmiah dibuat berkaitan perjuangan dakwah Ebit Lew serta diterjemahkan dalam bentuk akademik. Pelbagai impak yang terhasil daripada pemikiran dan perjuangan beliau terhadap saudara baru dan golongan asnaf wajar dianalisis untuk memperlihatkan sisi dakwah yang sememangnya amat luas untuk dipraktikkan. Kehadiran beliau dalam persada dakwah tanah air sangat disyukuri dan dinantikan oleh semua lapisan masyarakat bagi memohon nasihat dan doa dalam menjalani kehidupan yang penuh pancaroba. Ketokohan beliau dalam memperjuangkan nasib golongan asnaf banyak mempengaruhi dan memudahkan urusan harian mereka dengan memperbaiki taraf hidup serta menambah baik sumber pencarian yang lebih menjamin masa depan.

1.3 Persoalan Kajian

Berdasarkan kepada beberapa permasalahan di atas, maka kajian ini akan memfokuskan kepada beberapa persoalan berikut:

- 1.3.1 Apakah latar belakang dan sejarah hidup Ebit Lew?
- 1.3.2 Apakah bentuk pemikiran dakwah Ebit Lew kepada saudara baru?
- 1.3.3 Apakah cabaran perjuangan Ebit Lew dalam menghulurkan bantuan kepada golongan asnaf?
- 1.3.4 Apakah impak yang terhasil daripada pemikiran dan perjuangan Ebit Lew terhadap saudara baru dan golongan asnaf?

1.4 Objektif Kajian

Objektif kajian adalah:

- 1.4.1 Mengkaji latar belakang dan sejarah hidup Ebit Lew.
- 1.4.2 Mengkaji bentuk pemikiran dakwah Ebit Lew kepada saudara baru.
- 1.4.3 Mengenal pasti cabaran perjuangan Ebit Lew dalam menghulurkan bantuan kepada golongan asnaf.
- 1.4.4 Menganalisa impak yang terhasil daripada pemikiran dan perjuangan Ebit Lew terhadap saudara baru dan golongan asnaf.

1.5 Tinjauan Kajian Lepas

Tinjauan ringkas literatur ini memberikan gambaran keseluruhan kajian lepas yang relevan dengan bidang yang hendak difokuskan. Penulis mengaitkan dilema yang berlaku dalam kalangan saudara baru dan golongan asnaf di negara kita dengan keunikan pendekatan dakwah Ebit Lew yang telah mencetuskan suatu fenomena baru dalam arus dakwah semasa.

1.5.1 Isu Dakwah

Kajian Abdullah pada peringkat Doktor Falsafah di Universiti Sains Malaysia yang bertajuk “Pemikiran dan Perjuangan Dakwah Hamka dan M. Natsir: Kajian Terhadap Dakwah Kultural dan Struktural” membincangkan tentang konsep dakwah Islam.⁴² Setiap umat Islam diwajibkan untuk mengajak dan menyampaikan kebaikan yang datang daripada Allah SWT supaya nilai-nilai Islam dapat dipupuk dalam kehidupan individu, keluarga, masyarakat dan negara. Para nabi dan rasul telah sekian

⁴² Lihat, Abdullah, “Pemikiran dan Perjuangan Dakwah Hamka dan M. Natsir: Kajian Terhadap Dakwah Kultural dan Struktural” (Tesis Doktor Falsafah, Universiti Sains Malaysia, 2011), 1-6.

lama menyampaikan risalah dakwah dan kini menjadi tanggungjawab semua umat Islam untuk menyambung misi kenabian tersebut. Pembangunan konsep dakwah perlulah berasaskan konsep kultural dan struktural di mana dakwah Islam bukan setakat selari dengan kemajuan zaman malah berkembang melalui organisasi Islam yang terancang.

Suatu kajian yang bertajuk “Pendekatan Dakwah untuk Cabaran Masa Depan: Satu Sorotan”⁴³ telah dijalankan oleh Burhanuddin Jalal, Amnah Saayah Ismail dan Sayuti Ab Ghani bersempena Tinta Artikulasi Membina Ummah 2018. Hasil penyelidikan mereka mendapati bahawa terdapat beberapa isu dalam melaksanakan dakwah Islamiah antaranya para pendakwah hanya menyebarkan ajaran Islam tanpa melakukan penilaian lanjut mengenai keberkesanan dakwah yang disampaikan terhadap golongan sasaran yang mempunyai kepelbagaian budaya, latar belakang dan masalah. Kurangnya penguasaan kemahiran berdakwah pada alaf baru menjadi cabaran kepada para pendakwah untuk menarik golongan muda. Penyampaian dakwah yang malar dan bersifat konvensional menyukarkan kejayaan dakwah secara menyeluruh dan lebih mendukacitakan apabila ianya hanya menjadi slot-slot sampingan untuk sesuatu majlis atau sambutan.

Untuk itu, beberapa aspek pembaharuan perlu dilakukan oleh para pendakwah agar menjadi ejen perubahan sosial dalam kalangan masyarakat. Antara transformasi yang disarankan yang menyentuh tajuk kajian penulis adalah para pendakwah perlu terlibat dalam bidang keusahawanan bagi menjamin kesinambungan gerak kerja dakwah Islam. Tidak dinafikan bahawa kerja-kerja dakwah turut memerlukan sumber

⁴³ Lihat, Burhanuddin Jalal, Amnah Saayah Ismail dan Sayuti Ab Ghani, “Pendekatan Dakwah untuk Cabaran Masa Depan: Satu Sorotan” (Tinta Artikulasi Membina Ummah, Universiti Pertahanan Nasional Malaysia, 2018), 23-28.

kewangannya yang tersendiri bagi membiayai perbelanjaan dan menanggung kos-kos pengoperasian. Apabila pendakwah berperanan sebagai usahawan, maka dana untuk menggerakkan amal Islami dapat dijana sendiri tanpa mengharapkan belas ihsan daripada masyarakat setempat atau peruntukan yang disediakan oleh pihak kerajaan atau agensi-agensi tertentu. Kejayaan mentadbir organisasi dakwah Islamiah akan menjamin kelangsungan penyampaian ajaran Islam dan perlaksanaannya dalam semua aspek kehidupan.

1.5.2 Dakwah Saudara Baru

Dalam kertas persidangan di peringkat Simposium Kebudayaan dan Kerjasama Indonesia-Malaysia 2015 (SKIMXIV 2015), Razaleigh Bin Muhamat @ Kawangit menjalankan kajian “Saudara Baru di Malaysia: Keperluan Kepada Dakwah Semasa”.⁴⁴ Penelitian ini memfokuskan isu-isu yang melibatkan aspek pembangunan dakwah kepada golongan saudara baru bagi membimbing kehidupan mereka sebagai Muslim di negara kita. Pembangunan dakwah terhadap golongan saudara baru digiatkan dengan pengukuhan pendidikan melalui pelbagai siri kursus dan kelas pengajian. Pelbagai aktiviti sosial turut digabungkan secara seimbang dan harmonis bagi memenuhi tuntutan jasmani, emosi, rohani dan intelektual. Beberapa jenis bantuan diperuntukkan kepada saudara baru sebagai galakan kepada mereka agar terus istiqamah mentaati ajaran Islam malah dilihat sebagai hak dan wajib ke atas mereka seperti yang termaktub dalam Surah at-Taubah ayat 60.

Tajuk kajian Pendekatan *Tazkiyyah Al-Nafs* dalam Pengukuhan Akidah Muallaf dalam Seminar Antarabangsa Falsafah, Tamadun, Etika dan Turath Islami (i-STET

⁴⁴ Lihat, Razaleigh Muhamat @ Kawangit, “Saudara Baru di Malaysia: Keperluan Kepada Dakwah Semasa” (Simposium Kebudayaan dan Kerjasama Indonesia-Malaysia, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2015), 1-15.

2022) oleh Suhailiza Md. Hamdani et.al mempunyai perspektif yang berbeza mengenai keberkesanan pengajaran dan pembelajaran akidah dalam kalangan saudara baru.⁴⁵ Suatu garis panduan yang komprehensif masih belum diperkenalkan menyebabkan saudara baru sukar memahami topik akidah yang dipelajari. Skop pembelajaran yang melibatkan keyakinan terhadap keesaan Allah SWT serta keimanan kepada perkara-perkara ghaib adalah sangat subjektif untuk dihuraikan yang memerlukan suatu bentuk penyampaian yang meyakinkan daripada barisan tenaga pengajar. Justeru, penekanan terhadap elemen *tazkiyyah al-nafs* wajar diberikan keutamaan bagi mencapai tahap penyucian jiwa daripada segala bentuk kesyirikan melalui pelbagai amalan zikir yang disarankan oleh Rasulullah SAW.

1.5.3 Kadar Had Kifayah

Selain itu, dalam sebuah Jurnal Antarabangsa Teknologi dan Tamadun Kemanusiaan (*International Journal of Humanities Technology and Civilization*, IJHTC), Abdul Rahman Talib dan Hasan Ahmad telah membuat kajian mengenai “Penilaian Kelayakan Asnaf Fakir dan Miskin Berdasarkan Had Kifayah”.⁴⁶ Menurut Perundangan Islam di Malaysia, Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) atau Lembaga Zakat Negeri (LZN) yang menguruskan zakat menjadi kesinambungan pengagihan zakat terhadap lapan golongan asnaf sejak zaman Rasulullah SAW lagi. Walaupun begitu, terdapat ketidakseragaman dalam menetapkan kadar had kifayah⁴⁷ bagi

⁴⁵ Lihat, Suhailiza Md. Hamdani et al., "Pendekatan *Tazkiyyah Al-Nafs* dalam Pengukuhan Akidah Mualaf," *Sains Insani* eISSN: [0127-7871], Universiti Sains Islam Malaysia, 2023, 268-274.

⁴⁶ Lihat, Abdul Rahman Talib dan Hasan Ahmad, “Penilaian Kelayakan Asnaf Fakir dan Miskin Berdasarkan Had Kifayah,” *International Journal of Humanities Technology and Civilization*, IJHTC Vol. 1, no. 4 (2019): 23-39.

⁴⁷ Had kifayah ialah satu ukuran keupayaan ekonomi seseorang bagi menampung perbelanjaan dalam memenuhi keperluan asasi diri dan tanggungannya berdasarkan kos sara hidup semasa. Lihat, Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Terengganu, “Had Kifayah,” diakses 6 Januari 2024, <https://www.maidam.gov.my/index.php/had-kifayah>.

seseorang individu dan tanggungannya memandangkan pengurusan zakat ditadbir secara berasingan antara negeri-negeri. Perbezaan kos sara hidup di antara negeri-negeri di Malaysia juga mempengaruhi kaedah pengiraan had kifayah dalam menilai taraf kemiskinan.

Dayang Shobihah Abang Abai dalam Jurnal Sains Sosial dan Kemanusiaan Malaysia (*Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, MJSSH) 2020 telah membuat kajian yang bertajuk “Bentuk Bantuan Modal Agihan Zakat Asnaf dan Pencapaian Usahawan Asnaf di Malaysia: Kajian Empirikal”.⁴⁸ Menurut beliau, bantuan produktif yang disediakan oleh institusi zakat dalam bentuk modal atau peralatan dapat membantu golongan asnaf menjana sumber pendapatan melalui bidang perniagaan. Namun, institusi zakat masih dianggap lemah dalam menangani masalah kemiskinan dalam masyarakat berikutan sistem pengagihan wang zakat yang tidak efisien dan kurangnya pemantauan yang berskala dan sistematik. Kesannya, usahawan asnaf sekadar menerima bantuan atas faktor simpati semata-mata dan tidak mampu keluar daripada kemiskinan.

1.5.4 Pengurusan Dana Sedekah dan Wakaf

Kajian Abdullah Jalil dan Muhamad Muda dari Fakulti Ekonomi dan Muamalat, Universiti Sains Islam Malaysia bertajuk “Pengurusan Dana Sedekah Secara Sistematik: Analisa Peranan Institusi Kerajaan dan Swasta”⁴⁹ berhubung kait dengan tajuk tesis ini. Penubuhan dana sedekah oleh pelbagai agensi kerajaan mahupun persendirian menjadi instrumen kekuatan ekonomi nasional yang berupaya

⁴⁸ Lihat, Dayang Shobihah Abang Abai et al., “Bentuk Bantuan Modal Agihan Zakat Asnaf dan Pencapaian Usahawan Asnaf di Malaysia: Kajian Empirikal,” *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, MJSSH Vol. 5, no. 1 (2020): 93-98.

⁴⁹ Lihat, Abdullah Jalil dan Muhamad Muda, “Pengurusan Dana Sedekah Secara Sistematik: Analisa Peranan Institusi Kerajaan dan Swasta,” *Jurnal Pengurusan JAWHAR* 2, no.1 (2008): 53-72.

mengagihkan semula kekayaan kepada golongan yang kurang bernasib baik secara sukarela. Dana sedekah yang diurus dalam skala yang besar mampu menampung kekurangan yang berlaku dalam dana zakat, dana wakaf dan dana-dana yang lain dalam sistem ekonomi Islam di samping menyucikan harta. Bantuan kecemasan juga dapat disediakan kepada masyarakat yang terjejas akibat musibah yang berlaku. Hal ini bertepatan dengan saranan yang dianjurkan oleh Rasulullah SAW kepada para sahabat r.a supaya sentiasa bersedekah secara kebersamaan.

Kajian lain bertajuk *The Performance of Waqf Institutions via Maqasid Syariah Index (MSI)* oleh Nik Noorhazila Nik Mud dan Wan Hakimah Wan Ibrahim dalam *Proceeding of International Conference on Ummah 2022 (ICU)* memberi penekanan berkaitan aspek pengurusan wakaf.⁵⁰ Wakaf secara umumnya merupakan sebahagian daripada instrumen terpenting dalam institusi kewangan Islam yang berpotensi untuk menggalakkan perkembangan ekonomi dan sosial masyarakat Muslim. Malah, wakaf memainkan peranan yang signifikan dalam memastikan kelangsungan ajaran Islam serta memangkin pembangunan hal ehwal agama di negara kita. Justeru, institusi-institusi yang menguruskan aset wakaf disarankan agar selaras dengan perspektif maqasid syariah bagi memenuhi kelima-lima objektif yang telah ditetapkan dalam pensyariaan yakni bagi menjaga agama, nyawa, akal, keturunan dan harta.

Secara tamsilnya, kebanyakan kajian lalu hanya membincangkan mengenai dakwah yang cukup sinonim dengan golongan agamawan, intelektual dan tokoh politik semata-mata. Malah, amat jarang sekali penyelidikan berkaitan golongan yang didakwahkan dihuraikan secara holistik sama ada dari sudut fizikal, persekitaran atau

⁵⁰ Lihat, Nik Noorhazila Nik Mud dan Wan Hakimah Wan Ibrahim, "The Performance of Waqf Institutions via Maqasid Syariah Index (MSI)" (Proceeding of International Conference on Ummah e ISBN 978-967-0021-48-5, UMK, 2022), 146-154.

psikologi jiwa dan kerohanian. Oleh itu, kajian mengenai Ebit Lew adalah tepat memandangkan belum ada kajian seumpamanya dibuat sebelum ini. Pembawakan dakwah oleh seseorang yang tidak mempunyai latar belakang pendidikan agama yang formal amat relevan untuk diselidiki. Legasi dakwah Ebit Lew terhadap saudara baru dan golongan asnaf amat berpotensi untuk mengisi kelompongan kajian semasa serta dapat diketengahkan dalam penyelidikan dakwah kontemporari di negara kita.

1.6 Skop Kajian

Skop kajian adalah ruang lingkup proses dan aktiviti dalam sesebuah penyelidikan. Fokus kajian ini terhad kepada kronologi dan sosial. Fokus utama kronologi dalam kajian ini adalah bagi memerihalkan tentang Ebit Lew yang merangkumi biodata, latar belakang dan sejarah hidup beliau serta sumbangan beliau dalam dakwah saudara baru dan golongan asnaf antara tahun 2020 hingga tahun 2023.

Daripada perspektif sosial pula, kajian memberi tumpuan kepada pemikiran dan perjuangan Ebit Lew dalam pembangunan dakwah saudara baru dan misi kemanusiaan terhadap golongan asnaf. Selain itu, kajian turut memfokuskan bidang penulisan beliau untuk meneliti isi kandungan, konsep dakwah, metodologi yang diaplikasikan dalam karya serta asas pemikiran yang membentuk keperibadian beliau sebagai pendakwah yang berkesan.

1.7 Kepentingan Kajian

Kajian mengenai pemikiran dan perjuangan dakwah Ebit Lew akan memperlihatkan kepentingan kajian ini terhadap pembangunan dakwah tanah air secara teori dan praktikalnya iaitu;

- 1.7.1 Kajian ini memberi gambaran yang menyeluruh dan terperinci tentang komitmen Ebit Lew yang berat dan sukar dalam perjuangan dakwah di Malaysia dan menjadi perangsang kepada orang lain supaya berani tampil ke hadapan.
- 1.7.2 Memberi pengiktirafan kepada Ebit Lew atas usaha beliau memperjuangkan dakwah saudara baru dan golongan asnaf di sebalik tekanan yang dihadapi dari semasa ke semasa.
- 1.7.3 Pemikiran dan perjuangan dakwah Ebit Lew dapat diketengahkan dalam bentuk akademik kepada masyarakat dan dijadikan sebagai sumber rujukan kepada para sarjana, pemikir dan pengkaji dakwah pada masa depan.

1.8 Kaedah Kajian dan Teknik Penulisan

1.8.1 Pendekatan Kajian

Kajian yang dijalankan ini merupakan kajian kualitatif. Data kualitatif berbentuk deskriptif, berupa kata-kata lisan atau tulisan tentang tingkah laku manusia yang dapat diamati.⁵¹ Penyelidikan kualitatif mempunyai bentuk data yang tersendiri yang berbeza dengan penyelidikan kuantitatif.⁵² Hal ini demikian, penyelidikan kualitatif memberi maklumat tentang pendapat, persepsi dan tingkah laku tokoh yang dikaji. Ketokohan yang ditonjolkan oleh Ebit Lew dalam dakwah saudara baru serta sumbangan beliau kepada golongan asnaf menjadi satu kemestian buat penulis membuat kajian mengenai beliau pada peringkat sarjana. Pendekatan kajian yang digunakan adalah bersumberkan tulisan-tulisan beliau dalam makalah-makalah dan

⁵¹ Steven J. Taylor and Robert Bogdan, *Introduction to Qualitative Research Methods: The Search for Meanings*, Second Edition (Toronto: John Wiley and Sons, 1984).

⁵² Kamarul Azmi Jasmi, "Metodologi Pengumpulan Data Dalam Penyelidikan Kualitatif" (Kursus Penyelidikan Kualitatif Siri 1 2012, Universiti Teknologi Malaysia, 2012), 2.

buku-buku yang dikarang sendiri oleh beliau. Metode analisis deskriptif yang digunakan dapat menghubungkan sesuatu peristiwa dengan tokoh yang dikaji secara semula jadi.⁵³ Oleh itu, pemikiran Ebit Lew dalam bidang dakwah mutakhir ini dapat diselidiki dan dianalisis dalam konteks masyarakat majmuk di negara kita.

1.8.2 Pengumpulan Data

Data-data kualitatif yang berkaitan dengan kajian diperoleh dan dikumpulkan melalui kaedah kepustakaan. Kaedah temubual tidak dapat dilaksanakan kerana kekangan tertentu seperti jadual harian Ebit Lew yang padat serta keberadaan beliau yang kerap di luar negara. Biarpun kaedah ini tidak dapat dijalankan, dapatan kaedah kepustakaan yang diperoleh adalah jitu dan mempunyai nilai keabsahan yang tinggi dalam kajian ini.

1.8.2(a) Data dari Perpustakaan

Pengumpulan data secara kaedah kepustakaan dilakukan terhadap buku-buku dan hasil-hasil makalah pemikiran dan perjuangan dakwah Ebit Lew antaranya:

1. “Tangisan Umat” terbitan Transform Publication, Bandar Baru Bangi, Selangor, 2012.
2. “Perjalanan Hidayah Umat” terbitan Transform Publication, Bandar Baru Bangi, Selangor, 2013.
3. “Menelusuri Cinta” terbitan Transform Publication, Bandar Baru Bangi, Selangor, 2015.

⁵³ Tesfaye Boru, “Chapter Five Research Design and Methodology” (Tesis Doktor Falsafah, University of South Africa, 2018).

4. “Saya Cuma Posmen” terbitan Transform Publication, Bandar Baru Bangi, Selangor, 2017.
5. “11 Amalan Memiliki Kekayaan” terbitan Transform Publication, Bandar Baru Bangi, Selangor, 2018.
6. “Isteriku, Bidadariku” terbitan Transform Publication, Bandar Baru Bangi, Selangor, 2018.
7. “Saudaraku Di sebalik Ujian Ada Rahmat” terbitan Transform Publication, Bandar Baru Bangi, Selangor, 2021.

Buku-buku di atas adalah sumber data yang utama kerana ianya dikarang sendiri oleh Ebit Lew dan merupakan karya penulisan dakwah yang diinspirasikan daripada permasalahan umat terkini. Selain itu, sumber-sumber lain seperti laporan akhbar, majalah, temu ramah di radio, rancangan televisyen serta jurnal dan catatan para sarjana yang membahaskan bidang dakwah secara umum turut ditafsir dalam kajian ini.

Kajian ini telah mengambil tempat di beberapa buah perpustakaan di universiti awam di Malaysia seperti Perpustakaan Hamzah Sendut Universiti Sains Malaysia (USM), Perpustakaan Utama Universiti Malaya (UM), Perpustakaan Tun Sri Lanang Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Perpustakaan Sultan Abdul Samad Universiti Putra Malaysia (UPM), Perpustakaan Sultanah Bahiyah Universiti Utara Malaysia (UUM), Perpustakaan Universiti Malaysia Pahang (UMP), Perpustakaan Sultanah Zanariah Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Perpustakaan Al-Wathiqu Billah Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Perpustakaan Tunku Tun Aminah Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) dan Perpustakaan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).